

Gaji minimum: MIC akan serah butir terperinci

UM 8 MAR 2002

KUALA LUMPUR 7 Mac – MIC akan menyerahkan butir terperinci kepada Kementerian Sumber Manusia mengenai cadangan parti itu berhubung pelaksanaan gaji minimum bulanan pekerja ladang getah setelah syor asal mengenai perkara itu ditolak oleh Persatuan Pengeluar-Pengeluar Pertanian Malaysia (MAPA).

Presiden MIC, Datuk Seri S. Samy Vellu berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad meminta beliau membuat demikian pada mesyuarat kabinet, semalam.

Menurutnya, Dr. Mahathir meminta beliau mengemukakan kertas cadangan lebih terperinci kepada Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn bagi tindakan lanjut berhubung perkara itu.

“Saya harap isu ini akan selesai,” katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pusat MIC di sini, hari ini.

MAPA baru-baru ini menolak cadangan MIC dan pakar dari Universiti Malaya supaya dilaksanakan gaji minimum bulanan untuk pekerja ladang getah.

Persatuan tersebut, dalam sepucuk surat kepada Kesatuan Kebangsaan Pekerja-Pekerja Ladang (NUPW) memberi alasan keadaan ekonomi yang tidak baik sebagai punca ia menolak cadangan tersebut.

Kabinet pada 1 Mac 2000 bersetuju Kementerian Sumber Manusia mengkaji kemungkinan melaksanakan gaji minimum bulanan untuk 200,000 pekerja ladang.